

HKN 101 - Puitika dan Konvensi dalam Kesusasteraan Nusantara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. **DUA** [2] dari Bahagian A dan **DUA** [2] daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A:

1. Keindahan pantun Melayu tidak dapat dihayati sepenuhnya hanya dengan mengenali ciri-ciri luaran semata-mata tanpa meneliti keindahan dalamnya. Berdasarkan contoh-contoh yang jelas bincangkan pernyataan di atas.
2. Dengan merujuk kepada pendapat V.I. Braginsky mengenai sistem keindahan kesusasteraan Melayu tradisional, pada pandangan anda dalam sfera apakah terletakanya cerita-cerita penglipurlara Melayu **atau** kaba Minangkabau **atau** pantun Sunda. Berdasarkan sebuah teks daripada salah satu genre di atas analisisikan ciri-ciri keindahannya.
3. Cerita-cerita Panji Melayu mempunyai konvensi penceritaannya dan keindahan ceritanya yang tersendiri. Berdasarkan sebuah teks Panji bincangkan pernyataan di atas.
4. Dalam kebanyakan puisi Melayu tradisional, imej alam amat lumrah digunakan sebagai salah satu daripada alat untuk melukiskan keindahan. Walau bagaimanapun imej-imej alam dalam puisi Hamzah Fansuri bukan sahaja memberi kesan keindahan kesusasteraan tetapi cuba mengukirkan makna kerohanian. Bincangkan.

Bahagian B:

5. Hikayat Inderaputra merupakan salah sebuah karya roman yang lahir dalam tradisi persuratan Melayu tradisional. Sejauhmanakah hikayat tersebut menepati ciri-ciri puitika penglipurlara Melayu asli? Beri ulasan anda tentang ciri-ciri penggunaan bahasa sebagai sebahagian daripada estetika karya tersebut.
6. Episod Hang Tuah melarikan Tun Teja sebagaimana tergambar dalam epik Hikayat Hang Tuah dipenuhi dengan ciri-ciri puitika penglipurlara Melayu. Huraikan bagaimanakah episod tersebut, di samping episod Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat, menepati konvensi masyarakat tentang konsep kesetiaan dan kebaktian rakyat kepada raja?
7. Bincangkan peranan dan kedudukan mitos Raja Besiung dalam Hikayat Merong Mahawangsa dalam konteks puitika dan konvensi genre sastera bercorak sejarah.
8. Karya agiografi merupakan sebahagian daripada khazanah kesusasteraan Melayu yang memperlihatkan tema tentang proses perjalanan kerohanian yang berdimensikan alam tinggi. Dengan mengambil Hikayat Sultan Ibrahim ibn Adham atau salah satu karya agiografi Melayu pilihan anda sendiri, bincangkan puitika karya agiografi yang berdimensikan alam tinggi tersebut.

--oo000oo--